

## **SEKOLAH CONTOH KEMAHIRAN HIDUP SEKOLAH RENDAH**

### **1. KONSEP SEKOLAH CONTOH**

Sekolah contoh Kemahiran Hidup Sekolah Rendah adalah merupakan sebuah sekolah model di sesebuah daerah pendidikan. Sekolah ini boleh menjadi contoh eladan, rujukan atau panduan kepada guru-guru sekolah lain di daerah pendidikan berkenaan.

Aspek-aspek yang boleh dicontohi seperti:

- i. model kerjasama pengurusan yang cekap dan baik antara guru besar, guru, pekerja sekolah, ibubapa dan murid;
- ii. pengajaran dan pembelajaran KH yang baik;
- iii. penglibatan aktif murid-murid dalam pelajaran KH;
- iv. kegiatan aktiviti KH di luar bilik darjah yang memuaskan;
- v. pengurusan dan penyenggaraan bengkel KH yang baik dan teratur;
- vi. terdapat pengagihan tugas setiap guru dalam panitia Mata Pelajaran Kemahiran Hidup;
- vii. terdapat penglibatan masyarakat setempat dalam membantu merealisasikan program KH yang dianjurkan oleh pihak sekolah.

### **2. RASIONAL**

Melalui pemerhatian yang dijalankan di sekolah rendah, didapati pengurusan dan penyenggaraan alat dan bengkel KH tidak seragam. Kebanyakan sekolah masih belum dapat mengamalkan pengurusan dan penyenggaraan alat dan bengkel yang baik dan teratur.

Selain itu bilangan pegawai Kementerian Pelajaran, Jabatan Pelajaran Negeri dan Pejabat Pelajaran Gabungan dan Daerah yang boleh memberi bimbingan kepada guru dalam hal pengajaran dan pembelajaran KH serta menguruskan bengkel amatlah terhad. Khidmat nasihat dan tunjuk ajar daripada Kakitangan Sumber juga belum memuaskan kerana bukan semua daerah mempunyai Kakitangan Sumber.

Oleh itu adalah perlu diwujudkan sebuah atau lebih sekolah contoh di setiap daerah pendidikan supaya guru KH dari sekolah berhampiran dapat membuat rujukan tentang beberapa aspek yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran Kemahiran Hidup serta contoh pengurusan bengkel yang baik.

### 3. **MATLAMAT**

Pengwujudan sebuah sekolah contoh Kemahiran Hidup di setiap daerah pendidikan adalah bertujuan untuk menjadi MODEL kepada sekolah lain. Model di sini membawa pengertian yang sekolah contoh itu akan menjadi contoh teladan, rujukan dan panduan kepada guru dari sekolah sekitarnya dari semasa ke semasa. Pada keseluruhannya adalah diharapkan aspek yang terdapat di sekolah contoh itu adalah yang terbaik iaitu terbaik dari segi kepimpinan pentadbirinya, kecekapan pengurusan dan penyenggaraan bengkel, kegigihan dan kewibawaan gurunya, kerjasama di antara guru, murid dan pekerja sekolah serta ibu bapa. Sesebuah sekolah contoh perlu menjangkakan kecemerlangannya dari pelbagai aspek yang berkaitan dengan KH.

### 4. **PENGWUJUDAN SEKOLAH CONTOH**

#### 4.1. **Objektif**

Objektif diwujudkan sebuah sekolah contoh di setiap daerah pendidikan adalah untuk membolehkan:

- menjadi model pelaksanaan KH untuk sekolah lain di daerah berkenaan
- menjadi contoh "resource" yang boleh diteladani di mana guru-guru KH di sekolah ini boleh memberi bimbingan secara "in - house" kepada guru-guru KH yang memerlukan selain dari apa yang telah diberi oleh pihak Pusat Perkembangan Kurikulum, Jabatan Pelajaran Negeri, Pejabat Pelajaran Gabungan dan Daerah.
- boleh menampung usaha Pusat Kegiatan Guru dan Pejabat Pelajaran Daerah untuk meningkatkan pengajaran dan pembelajaran Kemahiran Hidup di daerah berkenaan.

#### 4.2. **Syarat Pemilihan**

Cadangan syarat pemilihan sebuah sekolah contoh ialah:

- i. pengajaran dan pembelajaran yang baik dan boleh dicontohi oleh sekolah lain.
- ii. mempunyai bilik khas Kemahiran Hidup dan diurus dengan baik dan teratur.
- iii. menunjukkan unsur-unsur kreatif dan inovatif.
- iv. kecerdasan sekolah yang memuaskan.
- v. mempunyai kawalan keselamatan yang memuaskan.

#### 4.3. Aktiviti

Sekolah contoh sepatutnya merupakan sebuah sekolah yang aktif. Ia hendaklah menjalankan aktiviti yang dirancang dan berterusan sepanjang tahun. Untuk melaksanakan segala aktiviti, perlu ada kerjasama dan hubungan yang baik di kalangan guru KH dengan pihak pentadbiran sekolah, murid-murid dan PIBG atau masyarakat setempat.

Beberapa aktiviti yang boleh dijalankan seperti:

- Hari KH, pameran dan pertandingan projek KH.
- kursus dalaman pada hari cuti sekolah atau hujung minggu untuk guru dan kakitangan sekolah.
- lawatan sambil belajar ke kilang, industri, ladang ternakan ladang pertanian dan tempat lain yang mempunyai kaitan dengan mata pelajaran KH.

#### 4.4. Cadangan Jawatankuasa Sekolah Contoh

Aktiviti KH di sekolah contoh perlu diurus oleh sebuah jawatankuasa. Pembentukan jawatankuasa ini terpulang kepada PPD / PPG di daerah berkenaan. Sebagai contoh, jawatankuasa ini adalah terdiri daripada:

- Penasihat - PPD
- Pengerusi - Guru Besar
- Naib Pengerusi - Guru Penolong Kanan
- Setiausaha - Ketua Panitia KH
- AJK - dua orang wakil PIBG dan dua orang guru

#### 4.5. Sumber Kewangan dan Bahan

Sumber kewangan dan bahan untuk KH tidak mencukupi jika bergantung kepada peruntukan per kapita (PCG) sahaja. Oleh itu pihak Jawatankuasa Sekolah Contoh perlu memikirkan cara yang sesuai mendapatkan sumber kewangan dan bahan tambahan untuk menjalankan aktiviti-aktiviti yang dirancang. Antara sumber kewangan dan bahan yang boleh diperolehi adalah daripada:

- PIBG
- Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung
- Sumbangan masyarakat atau individu
- Usaha lain seperti jualan pada Hari KH dan Hari Terbuka.

#### **4.5. Tempoh**

Pada dasarnya sesebuah sekolah contoh tidaklah akan menjadi contoh bagi daerah berkenaan selama-lamanya. Keadaan ini bergantung kepada keupayaan sesebuah sekolah contoh itu menjadi contoh kepada sekolah-sekolah berhampiran. Ini bermakna jika pihak JPN / PPG / PPD mendapati selepas itu terdapat sekolah lain lebih baik dijadikan contoh, maka pihak JPN / PPG / PPD boleh memilih sekolah yang lebih baik itu menjadi sekolah contoh yang baru.

#### **4.6. Sijil**

Jabatan Pelajaran Negeri akan memberi sijil penghargaan kepada sekolah contoh berkenaan. Pihak PPG / PPD juga boleh memberi sijil penghargaan berasingan jika difikirkan sesuai.

### **5. PERANAN PEJABAT PELAJARAN GABUNGAN & DAERAH, GURU BESAR, GURU, IBU BAPA DAN PIHAK LUAR**

Untuk menjayakan pelaksanaan sekolah contoh ini, semua pihak yang berkaitan perlulah memainkan peranan masing-masing dengan ikhlas dan jujur.

Pihak PPG / PPD dan Guru Besar sekolah perlu menjadi penggerak utama dengan memberikan perangsang dan galakan terhadap segala aktiviti yang dijalankan.

Guru-guru KH pula adalah nadi utama merancang aktiviti KH dan memupuk minat di kalangan murid terhadap KH supaya sekolah contoh itu benar-benar memainkan fungsinya.

Penyeriaan ibu bapa juga amat dialu-alukan. Ibu bapa boleh menyumbangkan idea, bantuan peralatan, tenaga kepakaran, sumbangan kewangan dan perkara lain yang diperlukan. Pihak luar juga digalakkan menyertai projek komuniti dengan membantu sekolah melalui sumbangan peralatan, kewangan atau latihan.

### **6. TINDAKAN JABATAN PELAJARAN NEGERI**

- i. Bersama PPG & PPD mengenal pasti sekolah-sekolah berkenaan yang boleh dijadikan sekolah contoh.
- ii. Menjelaskan konsep dan matlamat sekolah contoh itu kepada sekolah-sekolah berkenaan.
- iii. Memaklumkan kepada Jawatankuasa Kurikulum Negeri.
- iv. Memandu dan memberi nasihat bimbingan bagaimana sekolah contoh akan menjadi lebih berkesan.
- v. Memberi sokongan aktiviti-aktiviti yang akan dibuat oleh sekolah contoh.